

**PRU-13: Jangan terpengaruh dengan perkataan "ubah"-PM**  
**Utusan Online**  
**14 APRIL 2013**

KUALA LUMPUR 14 April - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu rakyat bijak membuat keputusan dengan mengekalkan kerajaan sedia ada dan bukannya terpengaruh dengan perkataan "ubah" yang akhirnya keputusan itu boleh mengecewakan.

Perdana Menteri berkata, hakikatnya kerajaan yang ada sekarang berjaya membuktikan bahawa setiap program berkaitan dengan dasar transformasi negara menjurus kepada usaha menjaga kepentingan rakyat.

Malah beliau berkata, kewujudan kompleks Terminal Bersatu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan di sini merupakan salah satu contoh bagaimana kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah rakyat khususnya dalam soal menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam terbaik kepada warga kota. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130414/px\\_36/PRU-13-jangan-terpengaruh-dengan-perkataan-ubah---PM#ixzz2a0Dwpql1](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_36/PRU-13-jangan-terpengaruh-dengan-perkataan-ubah---PM#ixzz2a0Dwpql1)

© Utusan Melayu (M) Bhd